

KISAH PULAU PINANG

Introduction – Lagu Bertabuh (wayang),

**Performers walk in (WK go first) (ENTER – Left (L))
WK play a bit, then GAMELAN performers walk in (ENTER – L)**

Lagu lagu Timang Burung (gamelan) - PANTOMIME – MARKET SCENE (each of chorus takes one character in market)

Narrator: Natasha

Setengah abad dulu, Georgetown sangat ulu,
Seluruh pulau ditumbuhi paya bakau
Tapi british sangat inginkan sebuah pelabuhan
Kota kami Georgetown menjadi pilihan.

Boria: Pelabuhan Penang (nyanyian) – gamelan accompaniment

Korus (semua pemuzik)

*Kisah Pulau Pinang tajuk dan tema
Tempat persinggahan berbilang agama
Pelbagai bangsa bercampur bersama
Boria anak kota dendang seirama.*

Penyanyi Solo (Yu Jean v. 1,3, 5) (Natasha v. 2,4) STEPS TO BANGSAWAN EXTRA TURN STEPS

Francis Light mengambil Penang dari Kedah,
Melalui perjanjian bersama,
Buruh dibawa dari India,
Membina bangunan, jalan dan rumah.

Cukai bebas dikenakan disini,
Menyebabkan banyak kapal berhenti,
Membawa sutera, rempah dan kopi
Menjalankan aktiviti jual beli.

Korus (semua)

Rempah diimport dari India dan Burma,
Sutera, Teh dari Cina, Lada..... dari Aceh
Ramai pedagang datang bersinggah

.....

Orang China, India, M'layu dan Aceh,
Dengan Armenian dan Mat Salleh,
Bersama ber-business dan berceloteh,
Membentuk masyarakat banyak songeh

Korus - semua

2. Narrator: Natasha

–VIDEO CLIPS WITH SOUNDS OF REMPAH SHOP AND MARKET STREET

Datuk saya dari Madras dia datang,
5 hari naik kapal chitambaram
Singgah di jerejak di periksa disuntik
Agar penyakit tak berjangkit
Sampai di penang terus ke lebu pasar
“Little India” 24 jam macam pesta!

Tuk saya, bila dia mai penang, dia kerja kat kedai bapa dia, MMK spices. Dia kerja office boy, lepa tu jadi kerani, lepa tu baru jadi bos sendiri.

Kedai kita di Jalan Pasar,
Sama masyur dengan Syed Ebramasha,
Syarikat gergasi rempah di Malaysia
Cawangan dibuka di Kuala Lumpur dan Singapura

Kapal datang, Pooooot!!! Pooooot!!! Pooooot!!!
Membawa rempah, besnya aroma!
Datuk saya dari kedai dia keluar
Tepuk tangan panggil “tandal”

Deklamasi Pantun (Logan dan Vishwa – LAKONAN – watch grinding mill movements - Indian style - funny)

Kerja saya sudah mula.....

Dari kedai lari ke jeti
Dari jeti kayuh ke kapal
Punggah guni dari kapal ke tongkang
Balik jeti kerja lagi

Dunia ini semua mau luit
Ini harga upah kami
Raga atau guni 50 kati
(put in the ship 50 sen)
Upah kuli oru valli
Lagi oru valli untuk lori

3.Narrator: Yu Jean (with Hokkien)

Lepas tu, pelabuhan Penang sangat busy. Banyak kapal dan tongkang berhenti kat tengah laut. Sampan dari jeti kena pi ke tengah laut dan ambil orang dan barang-barang depa dari kapal-kapal tu. **Yu Jean gets into boat with dancers and arrives as a migrant**

DAYUNG SAMPAN – GAMELAN AND DANCE (chorus – rowing movements)

DANCERS (ENTER – 3L , 3R) (EXIT – 2L , 4R)

Chant (Yu Jean dan Korus) – woodblock accompaniment –

Jetty

Wa olang Chew

Nama Chew Tai Lo

Rumah, kerja, dekat Chew Jetty

Dulu datang, tadak duit

Dulu datang, tadak duit - Korus

Kena tinggal di "kongsi choo"

Kena tinggal di "kongsi choo"- Korus

Duit cukup, buat rumah

Rumah buat dekat saja

Depan, tepi, belakang

Satu kampung banyak shiok!!!

Banyak shiok hey banyak shiok!!! - Korus

Sana bukan ada wa saja

Lim, Tan, Yeoh, Lee, Koay pun ada

Guna sampan angkat olang (orang)

Siapa cepat dia dapat

Hey siapa cepat dia dapat - Korus

Satu s'milan tiga puluh

Twa teng choon ju lai ju che (more and more big ships coming in)

Sini datang banyak barang

Kena bawak pergi gudang

Aya, Kena bawak pergi gudang - Korus

Chorus passing goods from one to another, Yu Jean – Mandor – business man ordering and checking goods

LAGU KERJA – MUSIC OF SOUND, SONG, CHANT, DANCE

4. Narrator: Natasha

Dari Siam, Aceh, India dan China

Orang datang mencari kerja

Ramai orang duk kat Bandar

Dapat kerja ditolong saudara

Rap: Selvan, Davina (Background: Zapin)

Penang ah penang
Banyak jalan banyaklah nama
Itu nama mana datang?
Ah kong ah ma brother sista kamu semua cai em cai
Dulu2 nama jalan diberi kerana nama bangsa orang2 di Penang
Malay Street, Acheen Street
Bangkok Lane, Swatow Lane
Yahudi Road , Burmah Road
Ceylon Lane, Amoy Lane
Kampung Jawa, kampong Malabar.

Ang Mo Lang eh mia pun ada
King Street, Queen Street, Campbell Street, Victoria Street

Orang Cina pula ikut nama perniagaan
Thuan lo sin kay si New Textile Street
Pak Theek Kay si Iron Smith Street
Thai Gu Au si Cow Slaughtering Street
Kiam Hu Thnia si Salted Fish Place

6. Narrator: Yu Jean (with Hokkien).

Pada masa tu ada banyak orang, jadi depa semua ada agama sendiri.
Semua makanan dah bercampur aduk menarik orang ramai
Budaya dan muzik juga ada campur

Music of Sound- Indian and Chinese temples – Chorus – act as SAMI

Dondang sayang (guest performers – CIKGU BAHA (ENTER - (L) mengenai makanan campuran)

Naik lanca pusinglah bandar
Lauknya kari ikanlah segar
(first line repeat)
Kalau lu makan nasilah kandar
Orang curi isteri lu sedar, lu tak sedar
(last 2 lines repeat)

Sungguhlah indah cahaya lilin
Sambil mencecah buahlah bacang
(first line repeat)
Singgahlah juga di Swa Tau Lane
Makan popia hai kacang dan ais kacang
(last 2 lines repeat)

Buku berkabus berbalau-balau
Mengacau dodol sungguhlah teruk
(first line repeat)
Kalaulah sampai ke Balik Pulau
Belilah buah dan jeruk pala lah jeruk
(last 2 lines repeat)

Lai ciak hong ke sana sini
Kaki wa sakit lu boleh picit
(first line repeat)
Bila lu lai ke persiaran gurney
Lu makan makan perut lu buncit
(last 2 line repeat)

7. Narrator: Natasha

100 tahun dulu, Penang dianggap Jeddah
Untuk orang Islam dari ,merata Asia
Singgah di sini sebelum pi Makkah
Hotel, kedai, ejen ticket semua bertambah

Boria: Lebu Acheh (penyanyi solo- Yu Jean v. 1,3 dan Natasha v. 2)

Tengku Syed Hussain (ber)darah diraja,
Keturunan Arab, saudagar kaya,
Dari Acheh, belayarlah dia,
Ke Penang bersama-sama 'gang'nya.

Dari Malaya, Siam dan Sumatera,
Singgah di Lebu Acheh, tujuannya sama,
Sambil tunggu Kapal Haji ke Mekkah,
Duduk di Masjid dengar ceramah.

Korus - semua

Riuh-rendah, sibuk gila, sudah pasti!
Agen tiket jual beli saham haji,
Saudagar, 'conman', Tok Haji duk mai duk pi,
Kongsi gelap diam, tambah seri.

Boria: Kongsi Gelap (Penyanyi solo – Natasha)

Boria dulunya ada banyak tujuan
Waktu Muharram berarak di jalan
Mencabar kongsi gelap berlawan
Bendera putih merah berperangan

8 Narrator: Natasha

Bendera merah orang Arab, bersatu dengan geng Hokkien Tua Pek Kong
Bendera putih Melayu dan Mamak, bersatu dengan geng Kantonis Ghee Hin
Dua-dua bersaing ingin jadi ketua
Nak mengambil kuasa buruh dan timah

Chant (not sung) – all musicians (repeat 2 times...louder and louder) – chorus 2 groups together – each one choose a pose for fight

Bendera Merah:

Kita askar di tanah janggi

Kerja menanam gandum barley
Masuk berniaga di tanah Jawi
Tanjung Tokong sedia menanti

Bendera Putih:

Ah Lok Hong Si cina Bukit
Keluar kerana hati banyak sakit
Bendera gaduh kita sudah bangkit
Sungai Pinang mencari sabit

WAYANG KULIT - LAGU BERPERANG / HULUBALANG) –

DANCERS – KATHERINE – (L) , YONG SEAN (R)

Chorus – bamboo rhythms

Musicians melari ke audiens dengan bendera putih dan merah – percakapan ayat-ayat berbagai bahasa.

Narrator: Natasha and Yu Jean (with Hokkien).

Yu Jean : Kongsy gelap, haiya, banyak ka ka chiau
Buat wa banyak risau

Nat : ala, ah seng, hang relaklah
Kan orang british dah harapkan depa
Geng kongsy gelap semua dah berubah
Depa jadi persatuan yang sah

Yu Jean : Persatuan sah! Chey!!
Buat kerja di bawah meja
Kelab sukan, persatuan bangsa nama saja
Di belakangnya, lain cerita

Nat : Owwww....Jadi bila depa duk jumpa, makan besar, berdansa
Depa bisk-bisik buat perjanjian rahsialah.

GAMELAN: WALTZ - DANCE

- Dancers waltz after narration (chorus and verse)
- Musicians off stage whisper ‘Penang Turf Club’, Chinese Recreation Club (CRC) and etc
- Chorus fade off
- Movies shown dancers walk off, waltz fades away

CREW CARRY OUT INSTRUMENT OUT OFF STAGE

YU DI AND GAMELAN AT NEW WORLD PARK